

Kawasan kelabu kembali cerah buat BN

Penduduk Ijok diberi jaminan khusus nikmat pembangunan berterusan

B.H. 13/5/07 27.4.07

Analisis

Oleh Ahmad Zaini Kamaruzzaman

MENGIKUT perkiraan di atas kertas, Barisan Nasional (BN) memerlukan kira-kira 60 peratus daripada 12,272 pengundi di Ijok untuk mengekalkan majoriti 1,649 undi yang dimenangi pada pilihan raya umum 2004.

Namun, akibat saingan sengit Parti Keadilan Rakyat (PKR) yang menampilkan isu tidak relevan serta serangan peribadi serta dakwah palsu, BN perlu bekerja lebih gigih sepanjang sembilan hari berkempen sehingga tengah malam ini dan merayu undi pada hari pengundian esok.

Ditambah dengan kemungkinan jumlah keluar mengundi yang kebiasaannya sekitar 75 peratus pada pilihan raya, kedua-dua parti perlu bersaing hebat untuk memenangi hati pengundi.

Pada pilihan raya lalu, daripada 12,404 pengundi hanya 76.17 peratus yang keluar mengundi dan 254 undi rosak sama ada disengajakan sebagai tanda protes atau kesilapan ketika memangkah.

Dengan mengandaikan peratus mengundi kekal pada 76.17 peratus kali ini, bermakna

INTI PATI

Cabaran di Ijok

- BN dan PKR perlu bersaing untuk merebut sekurang-kurangnya 51 peratus undi untuk mencapai kemenangan mudah.
- Pengundi Melayu adalah majoriti pengundi, iaitu 50.8 peratus, diikuti India (28.32 peratus), Cina (20.69 peratus) dan bakinya kaum lain.
- Pengundi Melayu tidak seimbang, walaupun calon BN daripada keturunan India.
- BN mengamalkan kesepakatan dan pemuafakatan untuk memupuk perpaduan kaum serta menjamin kesejahteraan semua pihak tanpa mengambil kira agama dan keturunan.
- BN untuk kesejahteraan berterusan atau PKR yang langsung tidak mempunyai rekod untuk dibuat perbandingan.

dibuktikan dengan perasmian pejabat kerjanya di Pekan Ijok oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, malam tadi.

Semua itu adalah jaminan bahawa Ijok diberikan perhatian khusus oleh Menteri Besar selain janji untuk berkhidmat sebaik mungkin oleh calon BN, K Parthiban. Berdasarkan jaminan dan janji itu, tidak ada sebab pengundi perlu gusar.

Seorang pegawai petugas pilihan raya BN berkata, pihaknya yakin pengundi tidak akan mempertaruhkan masa depan mereka dengan memilih PKR, walaupun ada yang menyatakan pengundi boleh beralih kepada BN semula pada pilihan raya umum yang akan diadakan dalam tempoh dua tahun akan datang.

“Mereka akan kerugian jika berbuat demikian kerana pembangunan akan terbantut jika memberi ruang kepada pembangkang hanya sekadar untuk mencuba-cuba. Hanya suara lantang yang didengar di Dewan Undangan Negeri, tetapi hasilnya tiada.

“Timbalan Perdana Menteri sendiri malam kelmarin menyatakan supaya pengundi mengekalkan BN agar pembangunan berterusan dapat dilaksanakan di Ijok,” katanya.

Najib dalam perasmian itu meminta pe-

nyak lagi kawasan majoriti Melayu diwakili sama ada calon MIC atau MCA.

Mereka tidak akan mensia-siakan pengundi Melayu kerana BN mengamalkan kesepakatan dan pemuafakatan untuk memupuk perpaduan kaum serta menjamin kesejahteraan semua pihak tanpa mengambil kira agama dan keturunan.

Seperti yang dinyatakan Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, BN dan kerajaan ditunjangi Umno akan sentiasa memastikan Melayu dan Cina tidak ketinggalan, walaupun wakil sesuatu kawasan bukan daripada kaum mereka.

“Orang Melayu dan Cina di Ijok jangan bimbang. Kepentingan mereka tetap dijaga seperti juga di tempat lain juga,” katanya.

Parthiban ketika ditemui semalam, berkata hampir 90 peratus rakyat di daerah itu sudah ditemui dan rata-ratanya memberikan sokongan padu kepada beliau untuk menjadi wakil mereka.

Beliau juga turut memberikan jaminan untuk berkhidmat kepada rakyat berteraskan prinsipnya untuk menyelesaikan setiap masalah dihadapi rakyat dengan berkata:

“Masalah mereka macam masalah saya juga dan saya akan tunaikan apa yang saya janji untuk berkhidmat bersama rakyat. Pihak berkuasa akan berkolaborasi bersama-

kekaj pada 76.17 peratus kali ini, bermakna hanya 9,347 kertas undi akan dikeluarkan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) esok, tetapi bilangan kertas undi yang akan dikembalikan atau boleh dikira sebagai undi sah belum dapat dipastikan.

Berikutan itu, kedua-dua parti perlu bersaing untuk merebut sekurang-kurangnya 51 peratus daripada jumlah itu untuk mencapai kemenangan mudah. Tugas BN dan PKR tidak semudah yang dijangka kerana perlu pula mengambil kira pecahan mengikut kaum Melayu, India dan Cina.

Melayu adalah majoriti pengundi, iaitu 50.8 peratus, diikuti India (28.32 peratus), Cina (20.69 peratus) dan bakinya kaum lain. Itulah yang perlu direbut BN dan PKR dalam saat-saat akhir sehingga setiap pengundi menjajakkan kaki ke pusat mengundi esok.

Justeru, jika berdasarkan 5,213 undi diperolehi BN pada pilihan raya lalu, PKR 3,564 undi dan baki 313 undi untuk calon bebas, parti pembangkang itu akan kecundang sekali lagi. Namun, keadaan dan isu kali ini amat berbeza kerana PKR menggunakan segenap jentera untuk mencapai kemenangan, termasuk taktik kotor yang sering dimainkan oleh pemimpinnya setiap kali pilihan raya.

Setakat semalam, ramalan dan bancia kasar pelbagai pihak menyatakan kemenangan berpihak kepada BN dan beberapa kubu kuat pembangkang berjaya ditembusi dengan sentimen pengundi menunjukkan mereka cenderung memilih parti kerajaan.

Beberapa peti undi yang dikatakan kawasan kelabu BN pada pilihan raya lalu kembali cerah dan peluang untuk mengulangi kejayaan adalah amat memberangsangkan.

Kehadiran Perdana Menteri, Datuk Seri

Abdullah Ahmad Badawi ke Ijok semalam pula, berjaya menyemarakkan lagi semangat petugas BN untuk terus bertugas dan meyakinkan pengundi mengenai kepentingan mereka memilih BN.

Kesediaan beliau turun ke Ijok, walaupun baru kembali daripada lawatan kerja ke luar negara membuktikan kerajaan serius untuk membangunkan Ijok dan penduduknya.

Justeru, jaminan kerajaan bahawa pembangunan berterusan di Ijok seharusnya menjadi pedoman kepada pengundi ketika membuat pilihan.

Kesediaan Menteri Besar, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo untuk berkhidmat secara terus kepada penduduk Ijok sudah

Najib dalam ucapannya itu meminta pengundi Ijok tidak cuba 'mengubah selera' dengan memilih Tan Sri Abd Khalid Ibrahim kerana tempoh dua tahun menjelang pilihan raya umum akan datang, amat penting untuk pelaksanaan program Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) termasuk di Ijok.

"Dalam masa dua tahun ini, perancangan dan pelaksanaan projek di bawah RMK-9 berjalan lancar. Kawasan ini akan mendapat keuntungan jika sokong BN," katanya sambil menambah pilihan tepat pengundi ialah Parthiban.

Kepada pengundi Melayu pula, mereka tidak seharusnya bimbang, walaupun calon BN daripada keturunan India kerana ba-

Jika rakyat memberikan kemenangan, saya berazam untuk bekerja dan menabur bakti di tempat sendiri," katanya.

Justeru, pada hari penentuan esok, pengundi yang sudah mendengar semua janji serta jaminan daripada BN dan PKR sebenarnya tidak sukar membuat pilihan. Masing-masing sudah membentangkan agenda untuk dilaksanakan dan terpulang kepada 12,272 pengundi menentukan siapa yang mereka akan pilih.

Yang penting, semua yang ditampilkan sepanjang sembilan hari kempen perlu difikirkan semasak-masaknya. Pilihan hanya dua. BN untuk kesejahteraan berterusan atau PKR yang langsung tidak mempunyai rekod untuk dibuat perbandingan.

INFO

Maklumat Pilihan Raya DUN Ijok

Bahagian Pilihan Raya DUN Ijok	Daerah Mengundi	Pecahan kaum dan daerah mengundi								
		Melayu		Cina		India		Lain-lain		Jumlah
		Jumlah	%	Jumlah	%	Jumlah	%	Jumlah	%	
• N11 Ijok	• Bukit Badong	1,630	85.21	43	2.25	240	12.55	0	0.00	1,913
	• Jaya Setia	1,129	99.56	1	0.09	3	0.26	1	0.09	1,134
	• Kampung Ijok	945	95.26	6	0.60	41	4.13	0	0.00	992
	• Pekan Berjantai Bestari Selatan	275	23.56	534	45.76	354	30.33	4	0.34	1,167
	• Pekan Berjantai Bestari Selatan	392	17.54	694	31.05	1,142	51.10	7	0.31	2,235
	• Pekan Ijok	349	24.44	958	67.09	119	8.33	2	0.14	1,428
	• Simpang Ijok	907	73.98	234	19.09	84	6.85	1	0.08	1,226
	• Sungai Darah	506	44.12	39	3.40	598	52.14	4	0.35	1,147
	• Tuan Mee	219	21.26	21	2.04	788	76.50	2	0.19	1,030
	Jumlah	6,352		2,530		3,369		21		12,272

